KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Lawatan Ahmad Zahid berjaya perkukuh kerjasama Malaysia-China, pacu agenda TVET
PAUTAN	https://tinyurl.com/jpvd2ahk

AM > BERITA

Lawatan Ahmad Zahid Berjaya Perkukuh Kerjasama Malaysia-China, Pacu Agenda TVET

17/10/2026 12:39 PM



Kredit FB Zahid Hamidi

Daripada Mohd Yusof Saari

TIANJIN, 17 Okt (Bernama) -- Lawatan kerja lima hari Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ke China berjaya memperkukuh kerjasama strategik Malaysia-China dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pelaburan teknologi tinggi, keselamatan serta pengurusan bencana, sekali gus membuka ruang baharu bagi pembangunan modal insan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Lawatan dari 12 hingga 16 Okt itu turut menyaksikan komitmen memperluas kerjasama dalam bidang kecerdasan buatan (AI), semikonduktor, kenderaan elektrik (EV), teknologi nuklear dan ekonomi digital, selain memperkukuh hubungan dua hala di bawah kerangka Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-China.

KATA KUNCI

ahmad zahid | china | lawatan | mci | tvet

BERITA BERKAITAN



Kertas Kabinet Keselamatan Jalan Raya MMOT, MIROS Dibentang Dalam Masa Terdekat

2jam lalu



Kebakaran: Malaysia Tawar Pesawat Bombier, Tiga Helikopter, 50 Anggota Bantu Indonesia - Ahmad Zahid

3jam lalu



Ahmad Zahid Seru ADUN BN N.Sembilan Utamakan Kebajikan Rakyat

3jam lalu

LAGI BERITA



Titik Panas Di Indonesia Melonjak Kepada 1,104, Kalimantan Paling Teruk Terjejas

5minit lalu



JPJ KL Catat Kutipan RM376,091 Hasil Lelongan Kenderaan Sita

46minit lalu



169 Pendatang Ditahan Dalam Operasi Penguatkuasaan Imigresen Sabah

3minit lalu

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Rubiah gesa masyarakat terus aktif bersukan selepas Hari Sukan Negara
PAUTAN	https://tinyurl.com/3rhk34y4



Datuk Rubiah Wang bersama johan futsal bagi kategori wanita pada Majlis Penutupan Hari Sukan Negara 2026 peringkat Bahagian Samarahan.

Rubiah gesa masyarakat terus aktif bersukan selepas Hari Sukan Negara

By TVS **#bm, Berita Sarawak October 17, 2026 9:00 PM**

ASAJAYA, 17 Okt: Masyarakat digesa menjadikan aktiviti fizikal sebagai amalan harian dan bukan hanya ketika sambutan Hari Sukan Negara (HSN) bagi mengekalkan kesihatan serta meningkatkan kualiti hidup.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata gaya hidup tidak aktif boleh meningkatkan risiko pelbagai penyakit termasuk obesiti, tekanan darah tinggi, diabetes dan penyakit jantung.

Beliau berkata, masyarakat boleh memulakan amalan hidup sihat dengan aktiviti mudah seperti berjalan kaki atau berlari di sekitar kawasan kediaman tanpa memerlukan kemudahan atau peralatan sukan khusus.

"Apabila pulang nanti, jangan berhenti. Lakukan aktiviti sukan yang mudah dalam kehidupan seharian. Sekurang-kurangnya, berjalan dan jangan hanya duduk di rumah.

"Jika sukar bermain badminton atau bola sepak, berjalan atau berlari di sekitar kawasan kediaman pun memadai untuk menjadikan kita lebih sihat, bertenaga dan aktif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan HSN 2026 peringkat Bahagian Samarahan di Dewan Kampung Moyan Laut, di sini, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Capital Post
TAJUK	KKDW diiktiraf atas pemerkasaan wanita dan komuniti desa
PAUTAN	https://tinyurl.com/2c3phrbh

KKDW Diiktiraf Atas Pemerkasaan Wanita & Komuniti Desa

By Shafinaz — On Oct 16, 2026 — 210 — 0



Gambar: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Estimate Reading Time: < 1 minute

2 Shares

PUTRAJAYA, 16 OKTOBER 2026 (The Capital Post) – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menerima pengiktirafan Wawasanita Excellence in Rural Development and Economic Empowerment Award atas komitmen berterusan dalam memperkasa komuniti luar bandar menerusi pembangunan prasarana, pengukuhan keusahawanan, pembangunan kemahiran dan peluasan peluang ekonomi. Terokai Destinasi

Pengiktirafan tersebut diterima sempena majlis Networking Evening Tea & Cultural Programme bersempena Annual Women Economic Forum (WEF) & G100 Global Meet 2026 anjuran Yayasan Bina Kesejahteraan (YBCare), yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KKDW, YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad.

Bertemakan "POWERING THE FUTURE: Empowering Communities and Cultures of Care, Co-Existence, Creativity and Commerce Through Women-Led Development", forum berkenaan menjadi platform untuk memperkukuh kerjasama antarabangsa, memperluas peluang perniagaan serta mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi dan komuniti. Majlis turut menyaksikan penyampaian anugerah kepada 26 penerima dalam kategori Women of the Decade, Leaders of the Decade dan Iconic Organisation Creating a Better World for All.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	RISDA peruntuk RM22.31 juta bantu pekebun kecil Sabah
PAUTAN	https://tinyurl.com/4wr4huft

RISDA peruntuk RM22.31 juta bantu pekebun kecil Sabah

Oleh Rafiqah Dahali - Oktober 17, 2026 @ 9:04am



Manndzri menyampaikan Anugerah Tokoh Pekebun Kecil Terbaik Peringkat Zon Sabah 2026 kepada Masol di Kota Kinabalu, semalam. - Foto NSTP/MOHD ADAM ARININ

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya
BH AI Search | Tanyakan Apa Sahaja Kepada BH

Penggunaan Kaedah Fertigasi Dan Hidroponik Perkasakan Ekonomi Agromakanan Pekebun Kecil
Model Transformasi RISDA 2026-2030 Pacu Penggunaan Teknologi Moden Dalam Industri Getah
RISDA Sasar Pengeluaran Getah Satu Juta Tan Metrik Menjelang 2030

KOTA KINABALU: Seramai kira-kira 400 pekebun kecil menyertai Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sabah 2026 yang menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan maklumat terkini bagi memperkukuh industri getah serta meningkatkan pendapatan komuniti itu.

Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Manndzri Nasib, berkata RISDA Sabah memperuntukkan RM22.31 juta tahun ini bagi melaksanakan program pembangunan holistik pekebun kecil, meliputi pembangunan tanaman getah, peningkatan produktiviti, penyediaan prasarana pertanian dan pembangunan sosioekonomi.

Katanya, peruntukan itu bertujuan membantu kira-kira 74,625 pekebun kecil yang mengusahakan lebih 204,000 hektar kawasan tanaman getah di seluruh Sabah.

"Konvensyen ini mewakili kira-kira 74,625 pekebun kecil getah di seluruh Sabah. Kita mahu memberikan maklumat dan kefahaman mengenai perkembangan terkini industri, di samping usaha meningkatkan kesejahteraan mereka menerusi pelbagai inisiatif RISDA.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Malaysia cadang Majlis TVET Dunia dengan China jadi tuan rumah tetap
PAUTAN	https://tinyurl.com/23juzhax

Malaysia cadang Majlis TVET Dunia dengan China jadi tuan rumah tetap - Zahid

BERNAMA - Oktober 16, 2026 @ 9:41pm



Ahmad Zahid ketika menyertai Persidangan Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Sedunia 2026 (WVTEDC 2026) di Tianjin Meijiang Convention and Exhibition Centre di China, - Foto FB Zahid Hamidi

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

TIANJIN (China): Malaysia mencadangkan penubuhan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Dunia, dengan China bertindak sebagai tuan rumah tetap.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata majlis berkenaan bertujuan menyediakan platform global yang berkekalan untuk memupuk kerjasama dalam pembangunan kemahiran, kemajuan teknologi dan tenaga kerja.

"Majlis ini akan bersidang setiap tahun untuk menghimpunkan negara, industri dan institusi bersama-sama dalam membentuk agenda global untuk masa depan kemahiran, teknologi dan pembangunan tenaga kerja," katanya.

Ahmad Zahid, yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, mengemukakan cadangan itu ketika menyampaikan ucaptama pada Persidangan Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Sedunia 2026 (WVTEDC 2026) di Tianjin Meijiang Convention and Exhibition Centre, di sini pada Jumaat.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Peluang kerjaya dan program pengajian di Ekspo TVET KKDW 2026
PAUTAN	https://tinyurl.com/aaj9zmxv

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Strengthening TVET Cooperation: Malaysia proposes permanent World TVET Council in China
PAUTAN	https://tinyurl.com/5n7e24ma

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TV3
TAJUK	Perkembangan status jerebu kebangsaan dan pemerkasaan kerjasama pindahan teknologi Malaysia–China
PAUTAN	https://tinyurl.com/29tendbv

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TVS
TAJUK	Cadangan pemprosesan isu jerebu rentas sempadan sebagai bencana alam serantau di peringkat ASEAN
PAUTAN	https://tinyurl.com/f85wjkum

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	TVET: Malaysia cadang 'World TVET Council' di China
PAUTAN	https://tinyurl.com/4hdjyhtd

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Perkasa TVET luar bandar: Malaysia hasrat bawa inisiatif Luban Workshop dari China
PAUTAN	https://tinyurl.com/4twrj4ut

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Forest Fires: Malaysia ready to help Indonesia handle situation
PAUTAN	https://tinyurl.com/4saxy3ms

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	Kerjasama Malaysia-China: Persiap tenaga mahir untuk pekerjaan bernilai tinggi
PAUTAN	https://tinyurl.com/mr33mdv3

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	BERNAMA TV
TAJUK	World TVET Council: Malaysia proposes establishment with China as permanent host
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdz522n8

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	Perkembangan status jerebu kebangsaan dan pemerkasaan kerjasama pindahan teknologi Malaysia–China
PAUTAN	https://tinyurl.com/y62mf2yj

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	Five-kilometer road project began in August and will take 15 weeks to complete
PAUTAN	https://tinyurl.com/mrya4ykj

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	Five-kilometer road project began in August and will take 15 weeks to complete
PAUTAN	https://tinyurl.com/mrya4ykj

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	RISDA peruntuk RM22.31 juta bantu pekebun kecil Sabah
PAUTAN	https://tinyurl.com/4s773b9y

RISDA peruntuk RM22.31 juta bantu pekebun kecil Sabah

Pelaksanaan konvensyen bukti usaha pacu produktiviti, tingkat pendapatan

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Seramai kira-kira 400 pekebun kecil menyertai Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sabah 2026 yang menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan maklumat terkini bagi memperkukuh industri getah serta meningkatkan pendapatan komuniti itu.

Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Manndzri Nasib, berkata RISDA Sabah memperuntukkan RM22.31 juta tahun ini bagi melaksanakan program pembangunan holistik pekebun kecil, meliputi pembangunan tanaman getah, peningkatan produktiviti, penyediaan prasarana pertanian dan pembangunan sosioekonomi.

Katanya, peruntukan itu bertujuan membantu kira-kira 74,625 pekebun kecil yang mengusahakan lebih 204,000 hektar kawasan tanaman getah di seluruh Sabah.

"Konvensyen ini mewakili kira-kira 74,625 pekebun kecil getah di seluruh Sabah. Kita mahu memberikan maklumat dan kefahaman mengenai perkembangan terkini industri, di samping usaha meningkatkan kesejahteraan mereka menerusi pelbagai inisiatif RISDA.

"Matlamat kita adalah memastikan pekebun kecil bukan sahaja mampu meningkatkan produktiviti tanaman getah, malah mempunyai peluang menambah pendapatan melalui aktiviti ekonomi lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan konvensyen berkenaan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA, Md Najip Ishak; Pemangku Pengarah KKDW Negeri Sabah, Aliasan Kerman; Pengarah FELCRA Sabah, Zamzul@Rosmadi Rebbin serta Pengarah RISDA Sabah, Nor Afzami Isa.

Tingkat kesejahteraan

Manndzri berkata, penganjuran konvensyen secara berasingan bagi Sabah dan Sarawak tahun ini adalah penambahbaikan mengambil kira keluasan geografi kedua-dua negeri serta jumlah pekebun kecil yang ramai.

Menurutnya, usaha meningkatkan kesejahteraan golongan itu dilaksanakan menerusi dua pendekatan utama, iaitu pembangunan industri getah serta inisiatif keusahawanan dan aktiviti ekonomi tambahan (AET).

Katanya, pembangunan industri getah memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti, pengembangan aktiviti hiliran dan penggunaan teknologi bagi memudahkan pengurusan kebun.

Pada masa sama, AET membuka peluang kepada pekebun kecil menjana pendapatan melalui perniagaan, pertanian dan penternakan, termasuk perkhidmatan menjahit, memotong rumput, pembersihan, penghasilan makanan, akuakultur, penternakan lembu serta penanaman sayur-sayuran menggunakan kaedah fertigasi dan hidroponik.

Beliau berkata, penerima bantuan AET dan program agromakanan turut diberikan bimbingan bagi membantu mereka menguruskan perniagaan dengan lebih berkesan serta mengurangkan risiko kegagalan.

"RISDA tidak akan membiarkan usahawan dalam kalangan pekebun kecil terdedah kepada risiko tanpa bimbingan. Kita menyediakan pegawai untuk membantu mereka, termasuk di kawasan pedalaman Sabah yang mempunyai cabaran geografi tersendiri," katanya.

Sementara itu, penerima Anugerah Tokoh Pekebun Kecil Terbaik Peringkat Zon Sabah 2026, Masol Timbun, dari Kota Belud, berharap bantuan RISDA kepada komuniti pekebun kecil dapat diteruskan secara berterusan.

Bapa kepada empat anak itu berkata, penghargaan berkenaan turut didedikasikan kepada seluruh pekebun kecil RISDA, selain berharap lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian.



Manndzri menyampaikan Anugerah Tokoh Pekebun Kecil Terbaik Peringkat Zon Sabah 2026 kepada Masol di Kota Kinabalu, semalam.
(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Asyraf Wajdi bantu pelajar cemerlang lanjut pengajian
PAUTAN	https://tinyurl.com/49hrfcdk



Asyraf Wajdi bantu pelajar cemerlang lanjut pengajian

Asyraf Wajdi bersama pelajar dari Kampung Kuak Hulu, Gerik yang dibantu melanjutkan pengajian selepas hasratnya terbantut akibat kekangan kewangan sebelum ini. (Foto FB Dr Asyraf Wajdi Dusuki)

Kuala Lumpur: Perkongsian video oleh Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, di media sosial mengenai kisah pelajar cemerlang hampir terlepas peluang melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi akibat kekangan kewangan, mendapat perhatian dan komen positif netizen, semalam.

Asyraf Wajdi yang mengadakan lawatan ke Gerik, didatangi Ketua Kampung Kuak Hulu, Mohd Nazri Md Midah atau Tok Nazri yang memaklumkan nasib seorang anak buahnya daripada keluarga kurang berkemampuan.

Pelajar perempuan itu dilapor memperoleh keputusan cemerlang tetapi tidak mendaftar di sebuah universiti di Selangor pada Ogos lalu, berikutan kedaifan keluarga.

"Pantang sungguh saya dengar berita pelajar cemerlang tidak hadir pendaftaran ke universiti kerana kekangan wang," kata Asyraf Wajdi menerusi hantaran video di Facebook.

Mengetahui hasrat dan minat mendalam pelajar berkenaan dalam bidang kejururawatan, Asyraf Wajdi membuat panggilan telefon secara terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Ketua Kampus UniKL Royal College of Medicine Perak (RCMP), Hishamuddin Omar, untuk bertanyakan kekosongan.

Tindakan pantas itu membuahkan hasil apabila pihak UniKL RCMP memberikan maklum balas positif dan menawarkan tempat kepada pelajar berkenaan bagi sesi kemasukan Januari depan.

Video perkongsian itu mendapat pelbagai reaksi positif daripada orang ramai yang rata-ratanya memuji keprihatinan Asyraf Wajdi dan kerjasama erat ketua kampung yang sentiasa peka dengan nasib penduduk setempat.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pimpinan akar umbi yang cakna dan berharap lebih ramai pihak yang berkemampuan tampil membantu anak bangsa yang berdepan kesukaran demi menuntut ilmu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	You Touch You Go, bukan dasar lepas tangan'
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdzn38hp

Gejala buli di sekolah

'You Touch You Go, bukan dasar lepas tangan'



Tindakan tegas jadi peringatan semua pihak bentuk sahsiah, keperibadian anak


Syor bajet khusus sekolah berasrama

Keratan akhbar BH kelmarin.

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dasar *You Touch You Go* (anda buli, anda akan disingkir) di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), bukan bermakna institusi itu lepas tangan dan menyerahkan tanggungjawab 'mendidik' pelajar bermasalah kepada sekolah harian di bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

Sebaliknya, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, menegaskan matlamat di sebalik dasar itu jauh lebih besar, bukan sahaja MRSM tidak berkompromi dalam isu buli, malah bagi menyedarkan dan menyerahkan semula tugas mendidik kepada ibu bapa yang sepatutnya memegang tanggungjawab terbesar dalam membentuk keperibadian dan sahsiah anak-anak.

"Saya tak menolak pandangan segelintir ibu bapa yang mengatakan seolah-olah MRSM dan MARA lepas tangan, dengan mudah buang dan masuk ke sekolah harian.

"Namun, falsafah sebenarnya bukan sekadar itu. Kita nak berikan mesej jelas, buli tak boleh dikompromi. Walaupun mereka ini dalam kalangan pelajar yang pencapaian mereka baik, ada yang dalam kalangan perwakilan pelajar dan aktif, tetapi jika ada salah laku tetap dibuang.

"Ya, mereka juga ada hak untuk ke sekolah harian dan kita serahkan kembali kepada ibu bapa untuk bertanggungjawab kepada anak-anak ini. Mungkin jika berada dalam lingkungan keluarga, perubahan itu akan berlaku," katanya kepada *BH*.

Beliau sebelum itu mengadakan Taklimat Undang-Undang Berkaitan Kanak-Kanak Untuk Guru MRSM bertajuk 'MRSM Selamat: Hak Pelajar, Tanggungjawab Kita' secara dalam talian.

Taklimat dengan kerjasama MARA dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) itu disertai 3,800 guru MRSM bermatlamat memberikan guru mempunyai kefahaman yang lebih jelas mengenai tanggungjawab serta peranan dalam mewujudkan persekitaran pendidikan yang selamat, terlindung dan bebas daripada buli serta eksploitasi terhadap kanak-kanak.

Mengulas lanjut, Asyraf Wajdi berkata, jika pelajar bermasalah ini masih dikekalkan di MRSM, mungkin mereka berasa perbuatan buli bukan kesalahan serius dan cenderung mengulanginya semula.

Beri pengajaran sebaiknya

Katanya, pengajaran mesti diberikan dan pada masa sama, MRSM turut berhasrat mengambil tanggungjawab dengan melaksanakan kajian mengenai perkembangan pelajar yang dibuang MRSM susulan terbabit dalam gejala buli.

"Kita akan buat satu kajian dengan kerjasama pihak universiti, pasca mereka ini dibuang daripada MRSM. Apakah kelakuan mereka berubah? Atau (mungkin) melakukan tindakan buli di tempat lain.

"Disebabkan buat masa ini tiada data konkrit, kita berhasrat untuk buat satu kajian lapangan dalam konteks itu.

"Kita juga nak tahu bila kembali ke pangkuan keluarga, bagaimana keadaan mereka sebab asasnya pendidikan mesti bermula dari rumah," katanya.

Asyraf Wajdi sebelum ini sering menegaskan dan memberi jaminan MARA tidak akan berkompromi terhadap sebarang kes buli jika berlaku dalam kalangan pelajar di MRSM.

Beliau dilaporkan berkata, pihaknya tidak akan sesekali menutup perilaku curang yang dilakukan oleh pelajar, walaupun anak orang kenamaan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Kerjasama KL-Beijing buka peluang latihan TVET
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wbk7t7t

Kerjasama KL-Beijing buka peluang latihan TVET

Tumpuan beralih pembangunan tenaga kerja mahir sektor teknologi baharu



Ahmad Zahid melawat pameran pada Persidangan Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Sedunia 2026 di Pusat Konvensyen dan Pameran Tianjin Meijiang, semalam. (Foto FB Zahid Hamidi)

Tianjin: Kerjasama Malaysia-China dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) membuka ribuan peluang latihan kepada rakyat Malaysia, dengan tumpuan beralih kepada pembangunan tenaga kerja mahir bagi pekerjaan bernilai tinggi dalam bidang teknologi baharu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata ia menyediakan 5,125 peluang latihan pada 2024 dan 2,500 lagi penempatan latihan bagi 2026, selain membekalkan peralatan latihan, termasuk kenderaan elektrik untuk pembelajaran secara amali.

Beliau berkata, kerjasama itu menekankan kepentingan menyelaraskan pembangunan kemahiran dengan keperluan industri bagi memastikan pelaburan dan pembangunan bakat berkembang seiring.

"Perkara paling penting ialah manfaat kepada golongan muda, iaitu kemahiran baharu, kerjaya lebih kukuh dan kehidupan lebih baik," katanya ketika menyampaikan ucaptama pada Persidangan Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Sedunia 2026 (WVTEDC 2026) di Pusat Konvensyen dan Pameran Tianjin Meijiang di sini, semalam.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara berkata, fasa pembangunan TVET Malaysia seterusnya akan memberi tumpuan kepada TVET Berteknologi Tinggi (Hi-TVET), merangkumi bidang kecerdasan buatan (AI), robotik, automasi, semikonduktor dan teknologi baharu lain bagi mempersiapkan tenaga kerja untuk pekerjaan bernilai lebih tinggi.

Penyertaan meningkat

Beliau berkata, penyertaan dalam bidang TVET di Malaysia meningkat lebih 33 peratus antara 2020 hingga 2025, dengan hampir 57 peratus lepasan sekolah yang melanjutkan pengajian memilih bidang TVET pada 2025, manakala kadar kebolehpasaran graduan mencecah hampir 96 peratus.

"Tugas kita seterusnya adalah untuk menterjemahkan peningkatan penyertaan ini kepada peningkatan keupayaan," katanya sambil menambah kerjasama dengan China membuktikan bagaimana matlamat itu dapat dicapai.

Mengambil contoh projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Ahmad Zahid berkata, seramai 208 rakyat Malaysia menamatkan latihan dalam bidang pengoperasian kereta api di China tahun ini.

Katanya, ia sekali gus membantu membangunkan kepakaran tempatan dalam operasi dan penyelenggaraan kereta api.

Beliau berkata, prinsip sama diterapkan di Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan, yang memerlukan pelaburan dan pembangunan bakat berkembang seiring.

Ahmad Zahid turut mengetengahkan inisiatif diumum oleh Perikatan Industri-Pendidikan Malaysia-China bernilai kira-kira 49 juta yuan, termasuk penyediaan 1,000 peluang biasiswa dan 2,000 peluang latihan.

Beliau berkata, Institut Malaysia-China di Bagan Datuk akan menampung sehingga 2,000 pelajar dalam 18 bidang keutamaan, selain menyokong pembangunan kurikulum bersama, latihan tenaga pengajar dan pemindahan teknologi.

"Saya percaya persahabatan antara negara seharusnya membuka peluang sebenar kepada rakyat masing-masing.

"Menerusi kerjasama TVET dengan China, saya menyaksikan kepercayaan itu menjadi kenyataan apabila ribuan anak muda Malaysia mendapat peluang baharu," katanya.

Pada sidang media selepas itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, China secara prinsip bersetuju dengan cadangan Malaysia bagi menubuhkan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Dunia.

Ahmad Zahid berkata, ia dinyatakan rakan sejawatannya, Ding Xuexiang dan Menteri Pendidikan, Huai Jinpeng dalam pertemuan kelmarin, dengan China menjadi tuan rumah tetap. BERNAMA

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Malaysia cadang penubuhan Majlis TVET Dunia
PAUTAN	https://tinyurl.com/bp869w35

Malaysia cadang penubuhan Majlis TVET Dunia

TIANJIN - Malaysia mencadangkan penubuhan Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Dunia dengan China bertindak sebagai tuan rumah tetap.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, majlis berkenaan bertujuan menyediakan platform global yang berkekalan untuk memupuk kerjasama dalam pembangunan kemahiran, kemajuan teknologi dan tenaga kerja.

"Majlis ini akan bersidang setiap tahun untuk himpunkan negara, industri dan institusi bersama dalam membentuk agenda global untuk masa depan kemahiran, teknologi dan pembangunan tenaga kerja," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, mengemukakan cadangan itu ketika menyampaikan ucaptama pada Persidangan Pembangunan Pendidikan Teknikal dan Vokasional Sedunia 2026 (WVTEDC 2026) di Tianjin Meijiang Convention and Exhibition Centre di sini pada Jumaat.

Beliau berkata, inisiatif itu juga akan melengkapi usaha untuk memperkukuh piawaian latihan dan kerjasama pada peringkat antarabangsa, di samping memastikan keutamaan negara kekal dihormati.

"Malaysia turut mengalu-alukan Kerangka Standard Pendidikan Teknikal dan Vokasional Dunia yang dicadangkan, yang dikenali sebagai Perjanjian Beijing, bertujuan memperkukuh kualiti latihan dan kerjasama antarabangsa, sambil menghormati keutamaan setiap negara.

"Kerjasama Malaysia-China dalam TVET menunjukkan betapa hubungan diplomatik dapat diterjemahkan kepada peluang nyata untuk rakyat, terutamanya golongan muda Malaysia yang mencari kemahiran dan prospek kerjaya lebih baik," katanya.

Selaku Pengerusi Majlis TVET Negara, Ahmad Zahid berkata, beliau mengetuai agenda TVET negara melibatkan 12 kementerian dan 1,398 institusi di seluruh Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia juga sedang memacu pendidikan teknikal ke arah bidang teknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (AI), robotik, automasi dan semikonduktor menerusi inisiatif 'Hi-TVET' bagi melengkapkan tenaga kerja domestik untuk pekerjaan yang lebih bernilai tinggi.

Selain itu, Ahmad Zahid berkata, perkongsian antarabangsa yang lebih kukuh, penyertaan industri lebih erat dan penyelarasan dipertingkatkan terus penting untuk memastikan generasi seterusnya memenuhi tuntutan ekonomi global yang sentiasa berubah.

"Bersama-sama, Malaysia dan China dapat memperkasakan generasi akan datang untuk membentuk masa depan yang lebih cerah dan membina kehidupan lebih baik," katanya. - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	The Star
TAJUK	China backs TVET Council
PAUTAN	https://tinyurl.com/3hnuw567

China backs TVET Council



Getting a closer look: Ahmad Zahid viewing the inside of a car during an exhibition in conjunction with the World TVET Conference at Tianjin Meijiang Convention and Exhibition Centre. — Picture from Ahmad Zahid's Facebook page

Beijing agrees to permanently host proposed international body



RAHIMY RAHIM
rahimyr
@thestar.com.my

from China

TIANJIN: China has agreed in principle to Malaysia's proposal to establish a World TVET Council, with Beijing expected to host the body permanently, says Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

The Deputy Prime Minister said China's Vice-Premier Ding Xuexiang and its Education Minister had agreed to the proposal, with the next step likely to involve securing approval through the Chinese Cabinet.

"I made the proposal and formally presented it in my speech. I am confident it can be implemented," he told reporters after addressing the 2026 World Vocational and Technical Education Development Conference.

In his keynote address, Ahmad Zahid said Malaysia proposed the setting up of the council to boost global cooperation in Technical and Vocational Education and Training (TVET).

The Deputy Prime Minister said the World TVET Council would serve as a sustained international platform, bringing together nations, industries and educational institutions to shape a shared agenda for skills, technology and workforce development.

"The Council would bring nations, industry and institutions together in shaping a shared global agenda for the future of skills, technology and workforce development," he said.

"It will allow countries to benefit from China's experience and knowledge in TVET."

Ahmad Zahid said Malaysia's partnership with China was proof how international cooperation could be translated into tangible opportunities for young people, through training placements, exposure to technology and better career prospects.

Through the collaboration, Malaysia secured 5,125 training opportunities in 2024 and another 2,500 placements for 2026.

Ahmad Zahid said the initiative would also support Malaysia's efforts to develop a highly skilled workforce to meet the needs of industries, including the semiconductor sector.

"Skills are seen as the new currency of economic progress and China has much to offer in connecting TVET with industry," he said.

"This conviction has guided my engagements with China's leadership, including my participation in bilateral discussions with President Xi Jinping and Premier Li Qiang."

Ahmad Zahid said Malaysia was moving towards high-impact TVET, focusing on artificial intelligence, robotics, automation, semiconductors and other emerging technologies to prepare workers for higher-value jobs.

"We are seeing great progress. TVET participation in Malaysia grew by over 33% between 2020 and 2025.

"In 2025, nearly 57% of school leavers continuing their studies chose TVET, while graduate employability reached almost 96%," he said.

Separately, Ahmad Zahid welcomed the setting up of a Luban training centre in Malaysia, adding that the move would help improve the skills of Malaysian instructors and lecturers through training and access to the latest technology.

He said Malaysia had proposed that the programme work with the Malaysia-China Institute and local TVET institutions.

Countries such as Thailand and Indonesia had already benefited from similar initiatives, he said, and expressed hope that Malaysia could follow suit.

A Luban workshop is an international vocational and technical education programme initiated by China to train local workers in partner countries.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	China Press
TAJUK	Perkenal model Latihan Bengkel Lu Ban, tingkatkan tenaga pengajar Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)
PAUTAN	https://tinyurl.com/459a7dbp

副首相訪華

帶進魯班工坊培訓模式
提升技職教育師資

（天津16日讯）政府有意引进中国著名技能培训模式“鲁班工坊”，以提升本地技职教育师资的能力，进而重点培养乡区的技能人才。

副首相拿督斯里阿末扎希说，这项措施采用师资培训方式，让技术专长直接传授给本地讲师及教员，而无需将学生送往中国。

他今日在2026年世界职业技术教育发展大会（WVTEDC 2026）发表主题演讲后，在记者会上说，鲁班工坊不仅提供培训，也免费提供设备及最新教学单元，以协助提升本地技职教育机构的能力。

“正如我在演讲中所建议，我们将邀请鲁班工坊在大马开办培训计划，尤其是在需要通过培训，以培养技术人力的乡区。

“这个方式是由他们前来，而我们无需送学生出去。因此，他们来到我国后，将有更多师资受惠。”

借鑒中國經驗

阿末扎希也是国家技职教育委员会主席，他说，这也能让本地技职教育机构接触量子科技、人工智能及信息系统等先进技术，加强国家技职教育生态系统。

他认为，大马须借鉴中国发展教育及技能培训的经验，以确保本地师资持续掌握最新科技发展，而泰国及印尼等区域国家已从该工坊计划中获益良多，大马须把握同样的机会。

他说，大马技术大学网络旗下有6所大学，但单靠传统学术教育方式，要在2030年之前为半导体领域培养6万名工程师或高技能劳动力，仍面临挑战。

他强调，要实现上述目标须通过技职教育生态系统，完善传统学术教育体系，并相信新的技职教育生态系统能实现目标，以培养6万名工程师，或至少具备合格资历的技能人才。



■阿末扎希（前排左6）在天津梅江国际会展中心举行的2026年世界职业技术教育发展大会，与出席的各国领导合照。

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)	
MEDIA	Nanyang Siang Pau
TAJUK	Cadang penubuhan Majlis Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) Dunia
PAUTAN	https://tinyurl.com/9kb3uev3



阿末扎希2026年世界职业技术教育发展大会上发表主题演讲。

倡设世界技职教育理事会

大马建议中任永久东道国

（天津16日讯）马来西亚建议成立世界技术与职业教育培训（TVET）理事会，并由中国担任永久东道国，推动全球技能培训、科技及人才发展合作。同时，中马技职教育合作持续扩大，最新公布总值约人民币4900万元（约2991万令吉）的合作计划，涵盖1000个奖学金及2000个培训名额。

副首相兼国家技职教育培训理事会主席拿督斯里阿末扎希今日在天津梅江会展中心举行的2026年世界职业技术教育发展大会上发表主题演讲提出上述建议。

他说，世界技职教育理事会可作为各国在技能发展、科技及劳动力提升方面的永久国际合作平台，并每年召开会议，汇集各国政府、产业界及教育机构，共同制定未来技能、科技及劳动力发展的全球议程。

他指出，拟议中的理事会将配合国际社会加强培训标准及合作的努力，同时尊重各国的发展优先事项。

阿末扎希也表示，大马欢迎拟议中的“界职业技术教育标准框架”，即“北京协议”，以进一步提高培训质量及国际合作水平，同时兼顾不同国家的发展需求。

中马合作惠及数千人

阿末扎希指出，中马技职教育合作已为大马人创造数千个培训机会，其中2024年提供5125个培训机会，2026年再提供2500个培训名额。双方合作也包括提供实习培训设备，例如电动车，让学生获得实际操作经验。

他说，中马合作证明，两国外交关系能够转化为人民实际受惠的机会，尤其是协助大马年轻人掌握新技能，争取更好的就业及职业发展前景。

“对我而言，最重要是这些成果对年轻人意味着什么：掌握新技能、拥有更好的事业，以及改善生活。”

鼓励中企提供学徒培训

阿末扎希指出，大马下一阶段将加强由领域主导的职场学习，通过讲师交流及企业实习提升教学人员的专业能力，并推动联合应用研究，以解决产业面对的实际问题。

他也呼吁更多在马来西亚营运的中国企业参与人才培养工作，包括提供学徒培训、专业认证及就业机会。

“我始终相信，国家之间的友谊应该为人民创造真正的机会。通过与中国的技职教育合作，我已经看到这一信念成为现实，为数千名大马年轻人打开机会之门。”

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **17 - 18 OKTOBER 2026 (SABTU - AHAD)**	
MEDIA	Borneo Post
TAJUK	KEMAS adult literacy programme benefits Kapit elderly villagers
PAUTAN	https://tinyurl.com/mpyr56jf



Bawang (centre) receives her certificate from Robert, as KEMAS Kapit officer Leena Tero (second right) and others look on.

KEMAS' adult literacy programme benefits Kapit elderly villagers

KAPIT: The Adult Literacy Education Class, organised by the Community Development Department (KEMAS), have helped the local rural resident improve their basic literacy and numeracy skills.

Deputy Kapit Resident Robert Liman Deli highlighted this at the closing ceremony for this class recently, which involved elderly villagers of Rumah Kayan Kenka and those from the surrounding areas.

"The ability to read, write and count, commonly known as the 3Rs, is considered a basic knowledge, but it is indeed a very important one as it can make a huge difference in people's daily lives.

"Mastering these 3Rs skills helps us understand information, improve our thinking abilities and manage finances and family planning more effectively," he said at the event here, which also included a graduation ceremony for the participants who had completed the course.

Robert also said the programme enabled previously illiterate senior citizens to be more confident in handling and attending important matters at government offices, as well as in communication with the civil servants and also the public.

"They can also help their children and grandchildren with their schoolwork at home," he added.

For 73-year-old Bawang Bubung, the Adult Literacy Class marked a turning point in her life because now she could now read and write her own name without relying on others.

Another graduate, 84-year-old Salikau Jingan, expressed gratitude for being able to read newspapers and practising spelling with her grandchild at home.